



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM DAN MBSB BANK BERHAD BERKAITAN SKIM PEMBIAYAAN PERUMAHAN BERSAMA

**19 Julai 2018, Putrajaya-** Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dan MBSB Bank Berhad (MBSB) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) berkaitan Skim Pembiayaan Bersama dengan membenarkan pembiayaan bersama di antara suami-isteri atau ibu-bapa dan anak-anak dengan syarat, sekurang-kurangnya salah seorang daripada pemohon bersama tersebut adalah kakitangan sektor awam. Pemohon bersama yang berkhidmat di sektor swasta boleh mendapatkan pembiayaan daripada MBSB.

Tujuan utama skim ini adalah untuk membantu peminjam, terutama kakitangan sektor awam untuk memperolehi jumlah pembiayaan yang lebih tinggi berbanding pemohonan secara individu, sekaligus memberi ruang untuk pembelian rumah kediaman yang lebih selesa.

Selain itu, skim pembiayaan bersama dapat membantu kakitangan sektor awam mengurangkan komitmen bulanan pembiayaan dengan bayaran balik pembiayaan dikongsi antara peminjam bersama.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif LPPSA, Dato' Kamal Mohd Ali, "*LPPSA sentiasa membuka peluang kerjasama kepada institusi kewangan yang lain bagi memudahkan*

*dan membantu kakitangan sektor awam memiliki rumah kediaman sendiri. Ini termasuk membenarkan pembiayaan bersama di kalangan pekerja sektor swasta.”*

Menerusi permeteraian kerjasama ini, LPPSA dan MBSB Bank menyatakan komitmen masing-masing untuk bekerjasama dalam menyediakan kemudahan pembiayaan bersama berdasarkan kepada syarat dan prosedur yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. MBSB Bank juga merupakan bank pertama yang menandatangi MoU bersama LPPSA untuk skim ini.

MBSB Bank akan menawarkan 2 kategori pinjaman daripada skim ini iaitu pembiayaan rumah yang telah siap dan juga pembiayaan rumah yang masih dalam pembinaan. Pembiayaan yang disediakan oleh MBSB Bank untuk skim ini adalah RM 500 juta untuk tiga tahun. Pembiayaan yang ditawarkan adalah dalam bentuk produk patuh syariah iaitu Tawarruq.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank Datuk Seri Ahmad Zaini Othman berkata, “*Kerjasama MBSB Bank dan LPPSA dalam menyediakan pembiayaan kepada sektor awam adalah selari dengan nilai-nilai murni MBSB Bank dan kelestarian masyarakat sekeliling.*”

---

### **Mengenai LPPSA**

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) merupakan sebuah badan berkanun yang diasingkan saraan dan bebas sepenuhnya di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bertanggungjawab menguruskan pembiayaan perumahan untuk sektor awam dan telah mula beroperasi pada 1 Januari 2016.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi  
Nashrul bin Abdul Shukor  
Jabatan Komunikasi Korporat  
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)  
Kompleks Kementerian Kewangan No. 9,  
Persiaran Perdana,  
Presint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 Putrajaya  
Tel: 03-8880 2888  
E-mel: [nashrul.shukor@lppsa.gov.my](mailto:nashrul.shukor@lppsa.gov.my)  
[www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my)

---

### **Mengenai MBSB Bank**

Malaysia Building Society Berhad (MBSB) bermula dengan penubuhan Federal and Colonial Building Society Limited pada 1950. Pada 1956, ia menukar nama kepada Malaya Borneo Building Society Limited (MBBS), dengan Kerajaan Malaysia menjadi pemegang saham utama. MBBS kemudiannya disenaraikan di Bursa Saham Malaya dan Singapura pada Ogos 1963. Syarikat ini diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 pada 17 Mac 1970, sebelum ia disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, kini Bursa Malaysia, pada 14 Mac 1972. Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) kini merupakan syarikat pemegangan kewangan bagi MBSB. MBSB diberikan pengecualian di bawah Seksyen 7(4) Akta Syarikat Peminjam 1969 (BCA). Perubahan dari BCA ke Akta Syarikat Kewangan (FCA) menyebabkan semua rujukan kepada perniagaan peminjam dan syarikat peminjam hendaklah masing-masing dierangkan sebagai perniagaan kewangan dan syarikat kewangan. FCA kemudiannya dimansuhkan oleh Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 (BAFIA). BAFIA telah dimansuhkan dan kini digantikan dengan FSA 2013.

Pada 6 November 2017, MBSB memeterai Perjanjian Pembelian Saham dengan para pemegang saham Asian Finance Bank Berhad (AFB/Vendor) untuk cadangan pengambilalihan keseluruhan kepentingan ekuiti di dalam AFB untuk pertimbangan pembelian agregat sebanyak RM644,952,807.66 melalui gabungan tunai berjumlah RM396,894,036.26 dan penerbitan 225,507,974 Saham Pertimbangan pada harga terbitan RM1.10 sesaham (Pengambilalihan). Pengambilalihan tersebut telah diluluskan oleh para pemegang saham MBSB pada 23 Januari 2018. Para pemegang saham juga telah meluluskan pemindahan Aset dan Liabiliti Patuh Syariah MBSB kepada AFB melalui Skim Pengaturan Ahli. Selaras dengan kelulusan tersebut dan setelah selesai pemindahan saham dan pembayaran baki pertimbangan pembelian kepada ahli-ahli Vendor, AFB menjadi anak syarikat milik penuh MBSB pada 7 Februari 2018. AFB menjalankan tindakan penjenamaan semula dan pada 2 April 2018 menukar namanya kepada MBSB Bank Berhad (MBSB Bank).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Azrina Mohd Rashad

Ketua Pegawai Korporat

Jabatan Perkhidmatan Korporat

Tel: 03-2096 3000/3230

Fax: 03-2096 3372

Email: [strategiccom@mbsbbank.com](mailto:strategiccom@mbsbbank.com)

---